

"Awasi ajaran salah," kata Dr M.

"AWASI ajaran salah, umat Islam diberitahu," kata sebuah kepala berita bersaiz besar di muka 9 New Straits Times hari ini, yakni, Ogos 26, 1978.

Berita di bawahnya, di antara lain, berkata, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan masyarakat Islam supaya berhati-hati terhadap guru-guru agama yang menyalahfalsirkan ajaran Islam.

Sambung beliau, guru-guru seperti itu telahpun menyebabkan kekeliruan di kalangan muda-mudi dan ini telah membawa hasil negatif kepada masyarakat.

Timbalan Perdana Menteri itu memberi amaran bahawa jika kalangan muda dipengaruhi oleh guru-guru yang dimaksud-

kan tadi, keganasan dan kegelisahan akan timbul di negara ini, seperti yang telahpun berlaku di setengah-setengah negara Islam.

Komen Penulis

Amaran ikhlas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir itu patut sanggallah diambil perhatian oleh para muslim dan muslimat di Negara ini, baik muda mahupun tua, jika mereka benar-benar cintakan keamanan dan mahukan kemajuan dan kesejahteraan. Kerana, jika guru-guru agama yang menyebarkan ajaran salah, atau lebih tepat lagi palsu, itu berjaya mempengaruhi jiwa "murid-murid" mereka, hasilnya, seperti disebutkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tadi, bukan sahaja negatif dalam konteks menghalang kemajuan masyarakat dan pembangunan negara, malah berupa destruktif jua, yakni, menimbulkan keadaan keganasan dan huruhara yang mungkin melibatkan penitisan darah dan kehilangan nyawa orang-orang yang tidak berdosa.

Bahan asal dari Arkib